

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]**

**SOALAN**

**TUAN CHAN FOONG HIN [ KOTA KINABALU ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kapasiti merawat pesakit positif COVID-19 tanpa gejala atau gejala ringan (kategori satu dan dua) di Sabah dari Januari 2020 hingga ke kini. Nyatakan pecahan 'breakdown' 4,822 katil mengikut 16 Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah (PKRC), dan sama ada ianya mencukupi.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Walaupun negara khususnya negeri Sabah pada ketika ini dilanda gelombang ketiga pandemik COVID-19, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa komited memberikan rawatan terbaik kepada para pesakit. Pelbagai usaha telah dijalankan bagi memastikan sistem rawatan kesihatan di negeri Sabah terus mampan dalam membendung penularan COVID-19. Antara usaha yang telah dan sedang dijalankan termasuklah penyediaan kapasiti katil hospital COVID-19 serta Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) yang mencukupi.

2. Pada peringkat awal kejadian pandemik COVID-19 bermula, sekitar bulan Mac 2020, KKM telah mengenalpasti enam (6) buah hospital untuk merawat pesakit COVID-19 iaitu:

- i. Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu;
- ii. Hospital Wanita & Kanak-Kanak Sabah, Likas;

- iii. Hospital Tawau;
- iv. Hospital Lahad Datu;
- v. Hospital Duchess of Kent, Sandakan; dan
- vi. Hospital Keningau.

3. Pada peringkat awal, jumlah keseluruhan katil khas untuk rawatan pesakit COVID-19 di keenam-enam buah hospital tersebut berjumlah 605 buah katil. Seterusnya, KKM telah meningkatkan lagi bilangan hospital COVID-19 dengan tambahan tiga (3) buah lagi hospital yang membuat saringan terhadap pesakit menjadikan jumlah keseluruhan sembilan (9) buah hospital iaitu Hospital Kota Marudu, Hospital Kota Belud dan Hospital Semporna. Selain itu, KKM juga telah meningkatkan kapasiti katil di setiap hospital yang terlibat sebanyak 1.9 kali ganda menjadikan jumlah keseluruhan katil khas untuk pesakit COVID-19 ialah 1123.

4. PKRC juga telah ditubuhkan untuk merawat pesakit-pesakit COVID-19 di bawah kategori 1 dan 2. Setakat ini, terdapat 26 buah PKRC dengan jumlah katil sebanyak 4,730 yang menempatkan pesakit-pesakit COVID-19 yang tidak bergejala.

Sekian terima kasih,